

28 JUL 1999

FRANCAIS-EKSPO

130 PESERTA KE FRANCHISE ASIA '99

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Kira-kira 130 peserta tempatan dan asing akan menyertai ekspo Franchise Asia '99 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 15 hingga 17 Okt.

Mengumumkan demikian, pengerusi Persatuan Francais Malaysia, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata bahawa 110 peserta telah mengesahkan penyertaan mereka dengan 20 lagi syarikat dijangka menyertainya tidak lama lagi untuk memenuhi ruang pameran seluas 1,300 meter persegi yang ada itu.

Setakat ini, 37 syarikat asing, 48 tempatan dan 25 institusi sokongan telah membayangkan bahawa mereka akan mengambil bahagian ekspo itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan pameran itu dan menyampaikan ucapan utama bertajuk "Menerokai Peluang-peluang di dalam Pasaran Sedang Muncul," Adzmi berkata pada persidangan akhbar untuk mengumumkan pameran itu.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh yang menerima 30 memorandum persefahaman (MoU) yang ditanda tangani oleh 30 peserta pameran yang akan menyertai ekspo itu.

Pameran dan persidangan Franchise Asia '99 akan dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Persatuan Francais Malaysia.

Beralih kepada persidangan Franchise Asia '99, Adzmi berkata ia akan menumpukan kepada setiap bidang francais dan pemegang francais.

Sebahagian daripada tajuk yang disenaraikan bagi Laluan Penerima Francais termasuk "Memilih dan Melabur di dalam Perniagaan Francais", "Merundingkan Perniagaan Francais" dan tajuk-tajuk penting lain.

Mengenai Laluan Pemegang Francais, topik-topik menarik akan termasuk "Menilai Perniagaan Anda: Adakah Ia Bersedia untuk Francais?" dan "Bagaimana Memasar dan Menjual Francais Anda?"

Sempena dengan persidangan itu, satu sesi pleno akan dianjurkan yang sesuai bagi bakal pembeli dan penjual francais dan juga pemegang francais dan penerima francais.

Ia akan membincangkan antara lain "Trend dan Inovasi dalam Pemfrancaisan," "Belajar daripada Pasaran Francais yang Matang" dan "Pemfrancaisan di Asia: Prospek dan Peluang."

Idris berkata bahawa penganjur menjangka kira-kira 23 pakar dan pemimpin industri akan berucap pada persidangan itu.

Penceramah-penceramah undangan asing akan termasuk Presiden Persekutuan Francais Eropah, Manfred Maus; pengarah eksekutif Persatuan Francais British, Brian Smart dan presiden Persatuan Francais Antarabangsa, Don Debolt.

Penceramah-penceramah tempatan akan termasuk pengarah urusan Franchise Technology Sdn Bhd Siew Pak Kheong, ketua pegawai eksekutif Credit Guarantee Corporation Bhd, Wan Azahar Wan Ahmad dan ketua pegawai eksekutif Perbadanan Nasional Bhd Mat Hassan Esa.

Satu pertandingan golf amal akan memulakan minggu Franchise Asia pada 12 Okt yang menawarkan sebuah Proton Perdana V6 baru yang akan diikuti oleh mesyuarat Majlis Francais Sedunia (WFC) pada 14 Okt.

WFC mengandungi 34 anggota persatuan francais negara-negara dan dijangka membincangkan isu-isu penting berkaitan dengan industri itu.

-- BERNAMA

ZMY FR OS